

TARIKH : 7 FEBUARI 2016

AKHBAR : HARIAN METRO

M/S : 30

TAJUK : [PORT DICKSON]
SUSUN SEMULA PENIAGA

Susun semula peniaga

Port Dickson: Tindakan pernah diambil terhadap pengusaha khidmat khemah berbayar, bagaimana pun situasi sama tetap berlaku apabila pengusaha berkenaan masih menjalankan aktiviti itu.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) Datuk Ab Khalid Mat berkata, berikutan itu, pihaknya memantau keadaan ini bagi mengelak perkara sama berulang.

“MPPD akan bekerjasama dengan Persatuan Pengusaha Pantai untuk menyusun kembali peniaga di sini.

“Kami akan mengadakan perjumpaan menerangkan ketidakpuasan hati pengunjung berhubung aktiviti yang mereka lakukan.

“Kami juga merancang mengadakan gotong-royong bulanan bersama pengusaha dan cara ini diharap dapat membantu mengubah sikap peniaga di situ.

“Saya berharap mereka menerima cadangan kami demi kepentingan semua pihak termasuk kesejahteraan pengunjung khususnya pengusaha itu sendiri untuk jangka masa panjang,” katanya.

Ab Khalid berkata, MPPD tidak menyalahkan mana-mana pihak sebaliknya mahu mencari jalan penyelesaian supaya perkara ini tidak berbangkit pada masa akan datang.



PENGUNJUNG melalui deretan khemah yang diletakkan di tepi pantai.

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM